From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 7 July, 2022 3:43:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar SoIS Terima Anugerah Sijil Dekan Diraikan

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2022 / 7 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Md. Helmi Khairul Hisyam Abu Hanifah
Gambar oleh: SoIS

PELAJAR SoIS TERIMA ANUGERAH SIJIL DEKAN DIRAIKAN



UUM ONLINE: Seramai 566 pelajar Semester A202 dari Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) telah menerima Anugerah Sijil Dekan di Auditorium SoIS, baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, 222 merupakan pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (BIAM) dan 344 adalah pelajar Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa (BIBM).

Manakala bagi Semester A211, seramai 241 pelajar BIAM dan 461 pelajar BIBM menjadikan jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 702 yang menerima Anugerah Sijil Dekan.

Sementara itu, Dekan SoIS, Prof. Madya Dr. Nazariah Osman dalam ucapannya berharap pelajar SoIS keseluruhannya dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi dunia pekerjaan nanti serta memiliki sahsiah pelajar terpuji seiring dengan kecemerlangan akademik.

Beliau turut mengingatkan mereka agar terus berbakti kepada universiti dan negara walaupun telah menamatkan pengajian kelak atau dengan kata lain hubungan pelajar dan universiti akan terus terjalin sebagai sebuah keluarga SoIS yang besar.

Turut hadir di dalam majlis ini adalah Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Bakri Mat; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Siti Darwinda Mohamed Pero; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Hartini Husin dan Pengerusi-pengerusi Program.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.